



KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI  
MALAYSIA

---

**KENYATAAN MEDIA**

**KOMITMEN KUKUH KE ARAH TENAGA BOLEH BAHARU DAN  
PERALIHAN TENAGA NEGARA**

Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad telah mengadakan satu lawatan kerja rasmi ke loji pengeluaran biodiesel milik SD Guthrie Berhad di Pulau Carey. Lawatan ini bertujuan untuk meninjau secara dekat kapasiti dan teknologi pemprosesan loji berkenaan yang merupakan antara penyumbang utama kepada industri tenaga hijau berasaskan sawit di Malaysia.

Loji ini memainkan peranan penting dalam memproses minyak sawit mentah menjadi bahan api alternatif yang lebih bersih, selari dengan komitmen global ke arah amalan berteraskan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

Penghasilan biodiesel oleh SD Guthrie ini dilihat sangat bertepatan dan mewujudkan sinergi yang kukuh dengan Dasar Biobahan Api Negara dan Dasar Agrikomoditi Negara (DAKN) 2021-2030, iaitu untuk memperkukuh nilai tambah sektor agrikomoditi, khususnya kelapa sawit, dengan memacu ekonomi kitaran dan mengoptimumkan penggunaan biojisim serta produk hiliran.

Kapasiti pengeluaran dari fasiliti berskala besar seperti SD Guthrie adalah kritikal bagi memastikan kelangsungan bekalan untuk menyokong mandat penggunaan biodiesel sedia ada (seperti B20) bagi sektor pengangkutan dan industri di Malaysia.

Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad dalam ucapannya berkata, "Inisiatif berterusan pihak industri seperti SD Guthrie dalam memperkasakan fasiliti pengeluaran biodiesel adalah satu langkah progresif yang patut dipuji. Kolaborasi erat antara pemain industri dan kerangka dasar kerajaan adalah kunci utama untuk merealisasikan aspirasi Malaysia mencapai pelepasan karbon sifar bersih (*net-zero*) menjelang tahun 2050."

"Kementerian berharap agar lawatan ini akan membuka lebih banyak ruang kerjasama strategik pada masa hadapan. Kami juga menyeru lebih ramai pemain industri untuk terus melabur dalam inovasi dan teknologi hijau demi kelestarian ekonomi dan alam sekitar generasi akan datang."

## **KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI**

**31 MAC 2026**

---

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT | KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI



[www.kpk.gov.my](http://www.kpk.gov.my)



Kementerian Perladangan dan Komoditi



mykomoditi

No. 15, Aras 8, Persiaran Perdana, Presint 2, 62654 Putrajaya, Malaysia.  
Tel: 03-88803322 e-mel: [ukk@kpk.gov.my](mailto:ukk@kpk.gov.my)